



AYOB KHAN (dua dari kanan) menunjukan sebahagian dadah yang akan dilupuskan pada sidang akhbar di **IPK Johor, Johor Bahru** semalam.

Rampasan melibatkan 3,844 kes sejak 2008

Polis lupus dadah bernilai RM14.6 juta

Oleh **KHAIRUL MOHD. ALI**

JOHOR BAHRU – Polis Johor melupuskan pelbagai jenis dadah seberat 877.40 kilogram (kg) dan 251.63 liter cecair bernilai keseluruhan RM14.6 juta semalam.

Ketua Polis Johor, Datuk Ayob Khan Mydin Pitchay berkata, jumlah itu melibatkan 3,844 kes dadah dalam tempoh 2008 hingga 2019.

Katanya, antara dadah berkenaan termasuklah heroin seberat 10.64 kg, kanabis (6.39 kg), keta-min (88.61 kg), syabu (90.51 kg) dan lain-lain.

“Polis Johor komited melak-

sanakan operasi membanteras sindiket jenayah terancang yang menjalankan aktiviti penyeludupan dadah di negara ini.

“Proses itu tidak terhenti setakat suspek dihukum di mahkamah, tetapi polis juga perlu memastikan semua barangan yang dirampas dapat dilupus mengikut prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Johor di sini semalam.

Tambah Ayob Khan, pada tahun lalu, polis Johor berjaya me-

lupuskan barang kes berkaitan rampasan dadah seberat 159.07 kg dan 251.63 liter dadah dengan nilai keseluruhan mencecah RM20.61 juta.

“Kesemua barang kes ini akan dibawa ke tapak pelupusan yang terletak di Negeri Sembilan untuk dilupuskan mengikut SOP ditetapkan,” tambahnya.

Sementara itu, Ayob Khan memberitahu, sejak 1 Januari hingga 18 September tahun ini, polis Johor telah menahan seramai 14,368 individu atas pelbagai kesalahan dadah dan merampas sebanyak 2.150 tan dadah bernilai RM25.64 juta.